
 Madrasah Masjid Abdul Aleem Siddique lahir pada bulan Januari 1992. ♦ Ia hasil cetusan idea Allahyarham Haji Abdul Majid Abdul Hamid, Pengerusi LPM ketika itu. ♦ Dengan kerjasama Allahyarham Ustaz Syed Abdillah Al-Jufri dan Cikgu Khairunan Ali dari MUIS, ♦ maka lahirlah madrasah ini dengan sokongan material yang disumbangkan oleh Haji Abdul Aziz Kajai dari Syarikat Muslim Casket. ♦

 adrasah ini menawarkan pendidikan ukhrawi dari peringkat tadika hingga ke peringkat menengah empat. ♦ Sejak penubuhannya, Madrasah Masjid Abdul Aleem Siddique menerima sambutan yang amat menggalakkan dari masyarakat sekeliling. ♦ Bukti yang paling ketara ialah dengan bertambahnya bilangan murid. ♦ Pada 1992, terdapat sekitar 200 orang murid. ♦ Jumlah ini berganda kepada sekitar 500 orang murid pada tahun 1995 dan kini terdapat lebih 800 orang murid. ♦ Kelas-kelas yang diadakan juga ditambah. ♦ Pada mulanya, madrasah ini hanya beroperasi dengan dua sesi pada hari Ahad sahaja. ♦ Sejak 1995, dengan bertambahnya bilangan murid-murid, madrasah ini telah beroperasi pada hari Sabtu dengan mengadakan tiga sesi. ♦

Madrasah Masjid Abdul Aleem Siddique sedia menghulurkan khidmat lebih berkesan kepada masyarakat Islam setempat dan bersiap sedia untuk menyahut cabaran pendidikan madrasah separuh masa pada masa hadapan. ♦ Untuk keterangan lebih lanjut, sila hubungi talian 63456504 atau 63454462. ♦